

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

1. *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata majmuk. Kemudian, bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata majmuk tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Bahasa merupakan medium yang menyatukan ahli keluarga dengan jiran tetangga. Tanpa bahasa, mereka tidak dapat berkomunikasi dengan berkesan. Bahasa Melayu telah lama terbukti dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan serta memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat. Penggunaan bahasa yang baik dan bersopan santun memberikan nilai dalam kehidupan. Bahasa yang baik menjadi penghubung silaturahim dalam keluarga. Selain itu, setiap anggota masyarakat juga mempunyai tanggungjawab untuk menggunakan bahasa yang sopan dan berhemah. Oleh itu, penggunaan bahasa yang baik wajar dikekalkan untuk memupuk kerjasama dan melahirkan masyarakat yang bersatu hati dalam kehidupan seharian.

Dipetik dan diubah suai daripada
“Bahasa Melayu Memperkukuh Perpaduan Keluarga Malaysia”
oleh Aminudin Mansor,
Dewan Bahasa, Bil. 09/2022

[8 markah]

2. *Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan ayat yang bergaris, tukarkan ayat bersusunan songsang kepada ayat bersusunan biasa.*

Ancaman pemanasan global memberikan pelbagai impak kepada alam sekitar. Telah menyebabkan gangguan terhadap kitaran hidup pelbagai spesies flora dan fauna peningkatan suhu global secara berterusan. Perubahan iklim turut menjejaskan isyarat semula jadi yang mengawal pembungaan, pembuahan dan penghijrahan. Boleh mengurangkan penghasilan benih serta mengancam kelangsungan hidup tumbuhan suhu yang tinggi ini. Keadaan ini menyebabkan gangguan dalam rantai makanan. Terpaksa berhijrah ke kawasan beraltitud lebih tinggi atau lebih sejuk untuk menyesuaikan diri sebahagian spesies. Walau bagaimanapun, tidak semua spesies mampu menyesuaikan diri sekali gus meningkatkan risiko penurunan populasi dan kepupusan.

Dipetik dan diubah suai daripada
“Cabaran dan Ekosistem Hutan dalam Menghadapi Arus Perubahan Iklim”
oleh Azian Mohti,
Dewan Kosmik, Bil. 05/2025

[6 markah]

3. Bahan – bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulanannya. Anda tidak perlu menyalin teks bahan tersebut.

Bahan 1

Banjir ialah fenomena semula jadi yang berlaku di Malaysia dan pemberian kesan besar kepada penduduk. Banjir berlaku apabila kawasan daratan menjadi terlalu tepu dengan air hujan atau lambakan air sungai. Keadaan banjir yang semakin sirius menyebabkan jumlah mangsa banjir meningkat sehingga mereka terpaksa dipindahkan ke pusat pindahan sementara. Oleh itu, kerajaan perlu melaksanakan langkah seperti pembinaan empangan dan penambahbaikan sistem saliran. Pengetahuan tentang banjir penting agar masyarakat bersedia mengambil langkah yang sesuai untuk melindungi diri dan harta benda semasa banjir berlaku demi untuk keselamatan rakyat sepanjang masa.

[5 markah]

Bahan 2

TIPS MENGHADAPI BANJIR
BERSAMA KITA CEGAH, BERSAMA KITA SELAMAT.

SEBELUM BANJIR

- Dapatkan maklumat cuaca dan amaran banjir terkini.
- Sediakan kit kecemasan serta simpan dokumen penting dalam bekas kalis air.
- Alihkan barang berharga dan peralatan elektrik ke tempat yang terpaling tinggi.

SEMASA BANJIR

- Patuhi arahan pihak berkuasa dan berpindah jika diarahkan.
- Elakkan kawasan berbahaya serta jangan mengharungi air banjir.
- Sentiasa minum air yang bersih untuk mengelakkan cirit berit.

SELEPAS BANJIR

- Kawasan rumah perlu dibersihkan oleh anda dengan segera.
- Periksa pendawaian elektrik sebelum digunakan.
- Buang makanan yang tercemar dan dapatkan perubatan jika sakit.

[5 markah]

4. *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Maka Seri Nara Diraja tidak muafakat dengan Paduka Raja, senantiasa beringgit juga; beberapa kali lain Paduka Raja kedapatan dengan Paduka Raja dalam kampung Seri Nara Diraja. Maka Sultan Muzaffar Syah pun tahu akan perihal itu maka terlalulah dukacita baginda melihat kelakuan Paduka Raja dengan Seri Nara Diraja itu. Maka fikir di dalam hati baginda, "Jikalau demikian binasalah negeri ini, kerana orang besarnya tidak muafakat sama orang besar."

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada'
Dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[5 markah]

5. *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan **senaraikan tiga** peribahasa yang terdapat dalam petikan. Kemudian, berikan **maksud peribahasa** tersebut.*

Kemalangan jalan raya semakin membimbangkan dan sering meragut nyawa pengguna jalan raya. Oleh itu, setiap individu perlu sentiasa berhati-hati ketika memandu kerana malang tidak berbau. Selain itu, pemandu yang bijak akan memeriksa keadaan kenderaan serta merancang perjalanan lebih awal sebagai langkah sediakan payung sebelum hujan. Pengguna jalan raya juga perlu mematuhi peraturan dan berfikir dengan teliti sebelum bertindak kerana sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna. Langkah ini dapat mengurangkan risiko kemalangan jalan raya serta menyelamatkan nyawa semua pengguna jalan raya.

[6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

6. Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Dengan kemajuan teknologi dan akses Internet yang semakin meluas, platform seperti Facebook, Instagram dan Tik Tok telah mengubah cara berinteraksi, berkomunikasi dan mendapatkan maklumat. Salah satu pengaruh positif media sosial ialah kemampuannya untuk menghubungkan pelbagai individu berbeza latar belakang secara global. Melalui media sosial, individu dapat berkomunikasi dengan ahli keluarga, rakan-rakan dan orang asing tanpa batasan geografi seperti bertanya khabar dan bertukar-tukar pendapat. Mereka juga menambah kenalan baharu di seluruh pelosok dunia.

Selain itu, guru dan murid juga dapat menggunakan media sosial untuk mencari maklumat daripada pelbagai sumber pembelajaran. Namun begitu, penggunaan aplikasi tersebut perlu dikawal dalam kalangan remaja kerana mendatangkan kesan negatif kepada mereka. Buli siber sering berlaku dalam kalangan remaja kerana mereka sering menggunakan platform ini untuk melepaskan kemarahan kepada seseorang. Pada masa yang sama, penyebaran maklumat palsu yang tidak terkawal juga akan berleluasa.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Media Sosial dalam Kehidupan Harian',
Berita Harian, 29 Mei 2024.

Bahan 2

Perkembangan informasi dan teknologi digital pada masa ini telah mewujudkan pelbagai platform komunikasi yang telah menjadi keperluan utama dalam kehidupan seharian masyarakat. Banyak teknologi dan aplikasi baharu yang diperkenalkan untuk memudahkan masyarakat seperti penggunaan aplikasi media sosial. Aplikasi ini bukan sahaja digunakan untuk berkomunikasi jarak jauh, malah jual beli dalam talian serta penyebaran maklumat pendidikan.

Aplikasi yang popular dalam kalangan remaja pada hari ialah Tik Tok. Aplikasi ini telah diiktiraf oleh kebanyakan pengguna media sosial sebagai pelantar hiburan untuk menayangkan video imaginatif dan menyeronokkan dalam durasi yang pendek. Tik Tok juga diakui sebagai alat yang boleh meningkatkan intelektual pelajar melalui sokongannya terhadap pendidikan dan penyebaran maklumat. Keupayaan Tik Tok menyajikan maklumat secara ringkas dan padat dalam satu video menyebabkan kaedah ini mudah diingati oleh pelajar dan memberikan faedah kepada pengajar untuk meningkatkan mutu pendidikan.

Dipetik dan diubah suai daripada
"Tik Tok Meningkatkan Kecerdasan Mahasiswa",
oleh Itmi'nan Irwan,
Dewan Masyarakat, Bil 05/2023

- i. Berdasarkan **Bahan 1**, apakah implikasi negatif penggunaan media sosial dalam kalangan remaja?

[2 *markah*]

- ii. Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, apakah manfaat yang diperoleh remaja apabila menggunakan media sosial?

[3 *markah*]

- iii. Pada masa ini, golongan remaja semakin ketagih menggunakan media sosial sehingga menjejaskan aktiviti dalam kehidupan mereka.

Pada pendapat anda, apakah peranan ibu bapa untuk menangani masalah tersebut?

[3 *markah*]

- iv. Anda sering membeli barangan dalam talian melalui aplikasi jualan yang popular. Namun begitu, anda berasa sedih kerana barangan yang diterima tidak sama seperti iklan yang dipaparkan. Anda berasa tertekan kerana mengalami kerugian.

Apakah tindakan-tindakan anda untuk mengatasi masalah tersebut?

[4 *markah*]



7. Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Pantun Cintai Bahasa Melayu

Tanam selasih di dalam pasu,
Bunga melati harum baunya,
Mendengar bahasa kian merapu,
Rosak pekerti hilang serinya.

Pohon bidara teguh berdiri,
Tempat burung si anak tempua,
Jagalah bicara setiap hari,
Pusaka agung warisan semua.

Anak nelayan ke sungai Pahang,
Membawa jala menangkap ikan,
Jika bahasa dipakai sumbang,
Identiti diri pasti hilang.

FAZIERA

Batu Pahat

Bahan 2

"Hey, kalian perasan tak? Di sini bahasa menjadi kuasa berpengaruh. Yang berkepentingan di sini perlu belajar bahasa negara ini. Tidak seperti negara kita, bahasa Inggeris mengambil alih bahasa ibunda dan menjadi kuasa besar yang menguasai kebanyakan urusan rasmi serta tidak rasmi" ujarku kepada teman-teman tanpa diminta mereka.

"Benar. Tapi dasar ini menyusahkan orang luar yang datang ke sini!" seorang daripada temanku menyahut. "Kita pula memudahkan orang luar!" tukasnya lagi.

"Memanglah memudahkan urusan pihak tertentu, namun sedar atau tidak dasar itu telah meremeh dan *merendahkan status* bahasa Melayu? Malah bakal melupakan penguasaan bahasa warga di bumi sendiri. Dasar Bahasa Kebangsaan yang termaktub dalam perlembagaan negara ternyata hanya terlakar indah di atas kertas saja!" Angin panas tiba-tiba seperti menerpa merasuk kepalaku. Ah, sudah!

Dipetik daripada cerpen
'Sepotong Ceritera di Kota Istanbul'
oleh Haryatie Ab Rahman,
Cerpen Berita Harian, Jun 2024.

Bahan 3

PUISI BAHASA DAN BANGSA

Bahasa dan bangsa
semestinya bersatu
dalam jiwa bangsa.

Bangsa sering curang
cintanya berkurang
kasihnya terlarang
sayangnya melayang.

Layu bahasa kuyulah bangsa!
Musnah bahasa punahlah bangsa!
Lesap bahasa lenyaplah bangsa!
Gagah bahasa dahsyatlah bangsa!
Gemilang bahasa terbilanglah bangsa!

RIDZUAN KAMIS

Sanggar Kayangan Perlis

- i) Berdasarkan **Bahan 2**, jelaskan maksud frasa “*merendahkan status.*”
(2 markah)
- ii) Dengan merujuk **semua bahan**, nyatakan kesan pencemaran bahasa.
(4 markah)
- iii) Walaupun pelbagai kempen kesedaran telah dilaksanakan untuk menggalakkan penggunaan bahasa Melayu yang betul, penggunaan bahasa rojak masih menjadi amalan segelintir masyarakat, khususnya golongan remaja sama ada dalam media sosial mahupun komunikasi harian.
- Pada pendapat anda, mengapakah penggunaan bahasa rojak masih berleluasa?
(3 markah)
- iv) Semasa menjalankan tugas sebagai pengawas sekolah, anda mendapati ramai murid menggunakan bahasa rojak ketika berbual dengan rakan-rakan di kantin, di dalam kelas dan semasa aktiviti kokurikulum.
- Sebagai pengawas sekolah, apakah langkah-langkah yang boleh anda lakukan untuk menggalakkan murid menggunakan bahasa Melayu dengan betul?
(4 markah)

8. Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5

(i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Emak nak dibawa ke mana?” tanya Kiambang pula, juga duduk di sisi kakaknya. Dahlia berdiam. Dia memandang wajah Kiambang, wajah Melati dan wajah Anggerik yang terpejam, kemudian wajah emaknya yang tersengih di sudut itu. Mereka mendapatkan emaknya. Hati Dahlia meronta-ronta menegah tetapi apakan daya. “Abah, jangan biarkan emak pergi!” jerit Melati seraya menarik tangan abahnya. Tetapi Embong cuma menggeleng. “Kamu tak ada perasaan?” luah Nek Kiah. Embong diam hanya mengetap bibir. “Memang jadi laki tak guna!” Saleha meronta-ronta. Tetapi apalah tenaga perempuan melawan empat orang lelaki. Anggerik menangis. Tangisannya bergema mengisi suasana berbaur dengan jeritan Saleha. Kiambang dan Melati menambah keriuhan. Dahlia cuma menahan getar. Dia melihat jalur hitam bermukim di hatinya. “Lia, jaga adik-adik. Abah nak ikut sama, luah Embong sayu.”

Dipetik dan diubah suai daripada ‘
Novel Songket Bebenang Emas
karya Khairuddin Ayip,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Nyatakan perasaan anak-anak Saleha apabila dia dibawa oleh empat orang lelaki.

[4 markah]

(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
- b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Nor
- c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
- d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin
- e) Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip
- f) Tirani, karya Beb Sabariah
- g) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- h) Silir Daksina, karya Nizar Parman

Berdasarkan **dua buah** novel yang anda pelajari, huraikan **satu peristiwa** yang menarik perhatian pembaca.

[6 markah]



BAHAGIAN C : Rumusan

[30 markah]

9. Baca petikan dan bahan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

Bahan 1

Dunia pernah dikejutkan dengan penyakit COVID-19 yang cukup menggerunkan. Jumlah kematian meningkat saban hari. Sejarah mencatatkan banyak lagi penyakit berjangkit yang melanda dunia seperti Malaria, Zika, Ebola dan SARS (*Severe Accute Respiratory Syndrome*). Penyakit berjangkit ialah penyakit yang boleh merebak daripada seorang individu kepada individu yang lain melalui pelbagai cara. Biasanya, penyebaran penyakit berjangkit tertentu berlaku melalui udara apabila seseorang batuk atau bersin. Titisan halus yang mengandungi virus atau bakteria boleh dihidu oleh individu lain, sekali gus menyebabkan jangkitan berlaku. Contohnya, penyakit seperti Influenza, COVID-19 dan Tuberkulosis mudah merebak terutamanya di tempat yang sesak serta mempunyai pengudaraan yang kurang baik.

Simptom penyakit berjangkit berbeza mengikut jenis penyakit, namun kebiasaannya melibatkan demam, batuk, selesema, sakit tekak, muntah, cirit-birit, ruam pada kulit, sakit otot dan keletihan. Lantaran itu, bagi mengurangkan risiko penularan penyakit berjangkit, setiap individu perlu mengamalkan langkah pencegahan yang berkesan. Mereka perlulah memakai pelitup muka serta menutup mulut dan hidung ketika batuk atau bersin. Hal ini akan mengurangkan risiko penyebaran kuman kepada orang lain. Pada masa yang sama, sentuhan langsung dengan individu yang dijangkiti turut menyebabkan penyakit berjangkit merebak dengan pantas. Penyakit seperti tangan, kaki dan mulut (HFMD) lebih mudah berjangkit melalui sentuhan langsung pada kulit yang mengandungi cecair lepuh.

Dari sudut berbeza pula, pengurusan sisa yang tidak sempurna menyebabkan tersebarinya penyakit bawaan haiwan seperti taun. Taun ialah penyakit berjangkit yang dikenali sebagai *Cholera* yang disebabkan oleh bakteria *Vibrio Cholerae* yang menjangkiti usus. Bakteria ini dibawa oleh lalat yang menghinggapi najis dan sampah. Lantaran itu, sampah wajarlah diikat kemas, dimasukkan ke dalam tong sampah dan dibersihkan setiap hari agar dapat mencegah penyakit seumpama ini. Kajian oleh Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2022 menunjukkan bahawa gigitan vektor seperti nyamuk menyebabkan penyakit demam denggi. Penghapusan tempat pembiakan nyamuk juga penting bagi mencegah penyakit demam denggi. Oleh itu, kepekaan terhadap kebersihan dan gejala awal akan membantu bagi mendapatkan rawatan dengan segera.

Dipetik dan diubah suai daripada
“Penyakit Berjangkit : Apakah Solusi?”
oleh Rahmat Mat Jan,
Berita Harian, Jun 2022



Bahan 2

GURINDAM KATAKAN TIDAK KEPADA PENYAKIT

Sentuh permukaan yang tercemar,
Kuman merebak tanpa disedar.

Makanan dan air yang tercemar,
Kesihatan merana, hidup tercabar.

Kebersihan diri jangan diabaikan,
Penyakit ditakuti dapat dielakkan.

Cuci tangan selepas ke tandas,
Penyakit berjangkit dapat dicantas.

Makanan dimasak tidak sempurna,
Penyakit dipasak badan merana.

J GHAZALI
Bukit Kepong

Bahan 3

BERTINDAK HARI INI, LINDUNGI DIRI & KOMUNITI
Kesihatan kita, tanggungjawab bersama.

1. DAPATKAN VAKSINASI MENGIKUT JADUAL

Vaksin membantu meningkatkan daya tahan badan terhadap pelbagai penyakit berjangkit.

Melindungi diri, keluarga dan komuniti daripada jangkitan yang serius.

Pastikan anda dan anak-anak menerima vaksin mengikut jadual yang disarankan oleh pihak kesihatan.

CONTOH PENYAKIT YANG DICEGAH

- CAMPAK
- RUBELA
- HEPATITIS B

Vaksin selamat, berkesan dan langkah terbaik untuk melindungi generasi kini dan masa depan.

2. KESEDARAN & KERJASAMA SEMUA PIHAK

- Amalkan kebersihan diri dan persekitaran.
- Patuhilah nasihat dan arahan pihak kesihatan.
- Bantu sebarkan maklumat yang betul.
- Bersama-sama kita membendung penularan penyakit berjangkit.

Kesedaran dan kerjasama semua pihak amat penting demi kesihatan diri, keluarga dan komuniti.

MENCEGAH LEBIH BAIK DARIPADA MENGUBATI.

-KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT-